

Bab 5

Perbincangan, Rumusan dan Cadangan

Bab ini akan membincangkan keputusan dan rumusan kajian dan cadangan-cadangan berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan KDP mengajar Sains dalam bahasa Inggeris sama ada oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah.

5.1 Rumusan Kajian

Perbincangan mengenai dapatan-dapatan kajian akan disusun mengikut urutan tujuan kursus, proses perancangan, kegunaan kursus kualiti pengajar, kaedah dan ABM, penilaian dan perbezaan persepsi terhadap KDP tersebut dari segi jantina, umur dan tahun berkhidmat responden.

5.1.1 Tujuan KDP

Tahap kejayaan KDP bergantung kepada tahap tujuan KDP difahami, diterima dan dianggap penting oleh peserta-peserta yang mengikuti kursus berkenaan. Dengan demikian, kesedaran peserta yang ditonjolkan dalam kajian ini akan mempengaruhi pencapaian tujuan kursus secara langsung.

Dengan merujuk kepada dapatan kajian, didapati bahawa kesemua responden menyifatkan kesemua tujuan KDP yang disenaaikan sebagai penting dengan berasaskan

peratusan persetujuan yang tinggi. Urutan kepentingan mengikut peratusan adalah seperti berikut.

1. Memahami objektif kursus tersebut (100.0%)
2. Menambahkan pengetahuan penggunaan APD dalam pengajaran Sains dalam BI. (97.1%)
3. Menambah pengetahuan dalam Sains.(94.3%)
4. Memberi peluang bertukar fikiran mengenai pengalaman mereka dalam bilik darjah. (91.4)
5. Memberi kemahiran praktis mengajar Sains dalam BI. (82.9%)
6. Memberi panduan dan strategi mengajar Sains.(80.0%)
7. Menunjukkan cara penilaian yang harus diamalkan.(77.1%)

Pada keseluruhannya peratusan persetujuan tinggi untuk kesemua tujuh tujuan yang disenaraikan menunjukkan tujuan KDP tersebut tercapai dengan baik. Keadaan di atas menunjukkan para responden memandang penting aspek-aspek ini sebagai sangat penting dalam melengkapkan diri mereka untuk mengajar mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris dalam bilik darjah. Dapatan ini telah mengukuhkan dapatan kajian Subramanian (1996) dan Shanmugam (1996) serta Norleza(2002).

5.1.2 Proses Perancangan

Perancangan yang baik dan terperinci adalah penting dan ia dapat membantu pencapaian objektif KDP dengan mudah dan berkesan. Analisis data menunjukkan hanya 57.1% responden bersetuju bahawa keperluan peserta diambil oleh pihak penganjur ,

manakala terdapat 42.9% lagi tidak setuju dengan pernyataan ini. Item 2 juga mendapat keputusan yang sama iaitu 57.1 % responden bersetuju bahawa kandungan kursus tidak berasaskan pengetahuan peserta. Untuk item 3 terdapat 51.4% responden yang tidak setuju bahawa objektif kursus disesuaikan mengikut latar belakang peserta. Manakala hanya 34.3% bersetuju dengan pernyataan item 4 iaitu minat peserta dalam bahasa Inggeris diambilkira terlebih dahulu.

Walaupun demikian, satu dapatan yang ketara dalam kajian ini adalah hampir separuh (42.9%) responden mengatakan bahawa keperluan mereka tidak diambilkira atau dikenalpasti oleh pihak penganjur terlebih dahulu. Jika sesuatu KDP itu ingin memberi manfaat yang maksimum kepada pesertanya, maka, ia mesti mengambil kira keperluan peserta. Dapatan ini juga sejajar dengan dapatan-dapatan kajian tempatan seperti Sukumaran (1984), Azmi(1986), Mohd Sani (1979), Subramaniam (1996).

Keputusan kajian ini menunjukkan persepsi responden terhadap proses perancangan KDP adalah sederhana sahaja. terdapat beberapa cadangan yang dibangkitkan oleh peserta iaitu peserta mesti dipilih daripada guru opsyen Sains. Manakala seorang peserta yang lain menyarankan ketepatan masa harus dipentingkan dalam KDP ini. Terdapat seorang peserta menyarankan bahawa makanan yang disediakan harus tidak bertentangan dengan agama. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa analisis keperluan peserta adalah aspek penting dalam mengendalikan KDP.

5.1.3 Faedah Kursus

Dapatan–dapatan kajian ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa kursus tersebut sangat berguna dan memberi faedah dalam membantu P& P responden dalam bilik darjah. Turutan keutamaan mengikut peratusan persetujuan adalah seperti berikut:

1. Ia membantu saya menyampaikan Sains dalam bahasa Inggeris (97.1%)
2. Kursus ini meningkatkan minat saya mengajar Sains (88.6%)
3. Saya dapat mengamalkan ide-ide kursus dalam bilik darjah (85.7%)
4. Kursus ini menjelaskan sukatan pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris (85.7%)
5. Kursus ini menjelaskan kegunaan buku panduan guru Sains dalam bahasa Inggeris (82.9%).
6. Saya diperkenalkan pendekatan dan kemahiran baru (80.0%)
7. Kursus ini menjelaskan bagaimana menyerap nilai-nilai murni dalam pengajaran Sains dalam bahasa Inggeris (77.1%)

Dapatan di atas adalah sama (kecuali item 7) dengan dapatan Subramanian (1996) dan Shanmugan (1996). Dalam dapat mereka penerapkan nilai adalah tidak begitu berjaya. Tetapi dalam dapatan kajian ini penerapan nilai- nilai murni mendapat persetujuan tinggi (77.1%). Ini menunjukkan KDP ini telah bertambah baik dari segi penerapan nilai- nilai murni berbanding dengan kajian yang telah dijalankan dahulu.

Dalam menyatakan kegunaan lain kursus KDP, terdapat beberapa peserta turut mengatakan mereka dapat menambah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Ini merupakan faedah sampingan kursus tersebut.

5.1.4 Kepakaran Pengajar

Kebolehan dan kualiti pengajar kursus merupakan salah satu faktor penting dalam menjayakan sesuatu kursus. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan majoriti responden berpendapat kualiti pengajar kursus tersebut adalah tinggi dan berkebolehan dari segi mempunyai hubungan baik dengan peserta (100.0%) ; Peserta diberi peluang mengutarakan pandangan mereka (88.6%); Pengajar memberi nota/ bahan tambahan (85.7%) ; Kemahiran praktis disampaikan secara sistematik (82.9%) ; Gaya penyampaian membuat peserta ingin belajar dan tidak membosankan (80.0%)

Dapatan di atas secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa pengajar kursus ini telah memenuhi ciri-ciri penting sebagai penyampai kursus yang baik. Dapatan ini sama dengan dapatan kajian Norleza (2002) yang menjalankan kajian ke atas KDP di UiTM, Shah Alam.

5.1.5 Keberkesanan Kaedah dan Penggunaan ABM

Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti peserta berpendapat kaedah pengajaran dan juga penggunaan ABM adalah berkesan dan berkualiti. Ini dapat dilihat daripada peratusan persetujuan tinggi dalam beberapa pernyataan seperti berikut:

1. Aktiviti yang dijalankan dapat menambaaah pengetahuan peserta (100.0%)
2. Perbincangan secara kumpulan kecil di adakan (100.0%)
3. Penerangan yang diberikan adalah sesuai dengan pokok perbincangan (91.1%)
4. Pemilihan dan penggunaan ABM adalah berkesan (85.7%)

Penyampaian kursus menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai serta penggunaan ABM yang berkesan boleh memotivasikan minat peserta dalam mengikuti KDP. Dapatan kajian ini juga mengukuhkan dapatan Shanmugan (1996).

5.1.6 Penilaian Kursus

Penilaian sesuatu kursus bukan sahaja penting kepada pengajar/pihak penganjur tetapi juga penting kepada guru-guru yang menghadiri kursus kerana maklumat daripada penilaian akan membantu serta menentukan arah perkembangan aspek KDP pada masa akan datang. Selain daripada itu, Subramanian (1996) juga mencadangkan penilaian juga perlu lihat berdasarkan hasil dan rumusan pelajar di bilik darjah sebagai maklumat tambahan untuk penilaian. KDP.

Dapatan kajian ini mendapati majoriti responden menyambut baik baik penilaian secara bertulis untuk menilai prestasi peserta (91.4%); dan kaedah penilaian secara pemerhatian dalam kelas oleh pengajar (80.05). Selain dari itu, terdapat penilaian susulan selepas kursus diadakan (68.6%). Dapatan ini berbeza dengan dapatan Sukumaran (1984), Mohd Sani Ibrahim (1992) iaitu tiada terdapat tindakan susulan selepas kursus dijalankan. Ini merupakan satu perubahan besar kepada KDP oleh pihak penganjur.

Secara keseluruhan, responden berpuas hati dan positif terhadap penilaian kursus yang dijalankan oleh pihak penganjur.

5.2 Perbezaan Persepsi Responden Terhadap Keberkesanan KDP Pengajaran Sains dalam Bahasa Inggeris dari Segi Jantina, Umur dan Bilangan Tahun Berkhidmat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti jantina, umur dan bilangan tahun berkhidmat tidak mempunyai perbezaan persepsi yang signifikan terhadap keberkesanan dalam semua aspek yang dikaji ia itu dari segi tujuan, proses perancangan, faedah kursus, kepakaran pengajar, keberkesanan kaedah dan ABM dan penilaian kursus.

Di kalangan guru lelaki dan perempuan, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap keberkesanan KDP pengajaran mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Malahan skor min untuk setiap aspek yang dikaji adalah rapat dan hampir sama.

Selain itu, faktor umur juga tidak menunjukkan perbezaan persepsi yang signifikan terhadap aspek-aspek dalam kajian. Ini menunjukkan persepsi terhadap keberkesanan KDP pengajaran mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris tidak dipengaruhi oleh faktor umur responden.

Dari segi bilangan tahun berkhidmat, dapatan kajian juga tidak menunjukkan terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap aspek-aspek dalam kajian. Ini menunjukkan persepsi terhadap keberkesanan KDP tidak dipengaruhi oleh bilangan tahun berkhidmat responden.

Oleh yang demikian, kajian ini telah membuktikan bahawa faktor-faktor seperti jantina, umur dan bilangan tahun berkhidmat tidak akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap keberkesanan KDP pengajaran mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris.

5.3 Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian dan juga perbincangan di atas beberapa rumusan dan cadangan dapat diketengahkan, antaranya:

1. Secara umumnya, responden berpendapat bahawa KDP Sains tersebut berkesan dan berguna kepada responden.
2. Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan dari segi jantina, umur dan bilangan tahun berkhidmat terhadap keberkesanan KDP pengajaran Sains dalam bahasa Inggeris.
3. Memandangkan majoriti responden bersetuju dengan pelaksanaan KDP dan faedah daripada KDP berkenaan. Maka, KDP ini adalah berkesan.
4. Seboleh-bolehnya satu analisis keperluan peserta perlu dijalankan sebagai satu langkah awal dalam merancang KDP oleh pihak penganjur.

5.4 Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Kajian ini adalah merupakan satu usaha meneliti aspek pelaksanaan KDP pengajaran mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian ini hanya menggambarkan persepsi guru-guru terhadap KDP tersebut di daerah Hulu Perak, Perak sahaja. Ia tidak boleh digunakan untuk membuat andaian keseluruhan bagi semua guru-guru yang telah menghadiri KDP

berkenaan di daerah-daerah lain. Oleh itu kajian lebih luas di peringkat negeri dan kebangsaan atau di kawasan bandar perlu dijalankan untuk mendapat gambaran lebih baik.

Kaedah kajian yang menggunakan soal selidik mempunyai batasan dalam pemerolehan maklumat tentang persepsi responden kerana ia berdasarkan ingatan responden terhadap KDP berkenaan. Diharap pengkaji akan datang dapat menggunakan teknik penilaian yang lebih terperinci seperti pengukuran keberkesanan sebelum mengikuti kursus, semasa mengikuti kursus dan selepas mengikuti kursus. Dengan demikian satu perbandingan lebih jelas dapat dibuat.